Barisan Nasional kekalkan kerusinya di Binjai dengan 4,041 undi

Titik tamatnya penentangan hebat Pas terhadap Umno?



● AHLI Dewan Undangan Negeri Terengganu, kawasan Binjai, Encik Muda Mamat (kiri) bersalam dengan calon Pas Encik Abdul Wahab Salleh sela-

pas Barisan Nasional diumumkan memenangi pilihanraya kecil itu semalam.

Oleh AHMAD PUAD ONAH

PENGUNDI-pengundi di Binjai telah membuat ...ilihan. Walaupun ...idak sebulat suara, majoritinya ...nahu Kerajaan Barisan Nasional ...neruskan dasar dan program ...slam bagi faedah ...mereka.

Kemenangan ...alon Barisan Nasional dengan kebihan undi yang ...ertambah dalam ...ilihanraya kecil semalam memuktikan rakyat menerima usahasaha kerajaan, khususnya Umno yang menjadi ...unggak pemerintahan, melaksanakan sistem pendidikan, kewangan dan pendidikan berunsur Islam di negara ini.

Sebaliknya bagi ...as kekalahan itu ...menunjukkan kepimpinan barunya ...ng radikal dan berorientasikan ulama ...dak mungkin dapat ...emimpin parti itu ...ngan lebih baik ...n cemerlang.

Pemerhati politik ...rpendapat, PAS tidak akan hilang dan ...yap tetapi keputusan pilihanraya kecil ini bermakna perjalanan tamatnya ...tangan hebat Pas ...pada Umno.

Menurut mereka, ...perti Parti Sosialis ...akyat Malaysia (SRM) yang satu ...tika dulu menenggang hebat Umno, ...s dijangka akan ...nya mampu berjuara sahaja tanpa ...engemukakan serangan program.

Lebih

Dalam pilihanraya kecil ini, calon ...arisan Nasional, ...cik Muda Mamat, ...mendapat 4,041 ...di mengalahkan ...mentang tunggal ...a dari Pas, Encik ...dul Wahab Salleh, ...yang memperoleh ...3,181 undi.

Kelebihan 860 undi ...adalah lebih be... dari 337 undi ...ng diperolehi oleh ...risan Nasional dalam pilihanraya ...um April lalu, ...bezaan 420 undi.

Para pemerhati ...a berpendapat, ...menangan ini bukan sahaja kejayaan ...ada Encik Muda, ...pi lebih dari itu ...adalah kejayaan ...gi program-program berunsur ...m yang dianjurkan Umno.

...rojek-projek me...buhkan Bank ...am, Universiti ...am Antara...gsa, sistem insu... dan pajak gadai

Islam serta penyerapan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran, kewangan dan pendidikan di negara ini nampaknya mendapat sambutan rakyat.

Mereka juga menyatakan, penghargaan sedikit-sebanyak harus diberi kepada Encik Anwar Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang dipertanggungjawabkan mengendali program-program Islam itu kerana usahanya melenyapkan kecaman dan tuduhan melulu Pas mengenai pelaksanaannya.

Namun demikian, mereka mengakui tenaga dan kerjasama kolektif seluruh jentera pilihanraya Barisan Nasional membolehkan kejayaan itu dicapai.

Walaupun pilihanraya kecil ini adalah pertandingan antara Encik Muda dan Encik Abdul Wahab, tetapi dalam masa kempen selama dua minggu mereka bertukar tempat menjadi proksi atau wakil pertentangan antara Encik Anwar dan Pesuruhjaya Pas Terengganu, Haji Abdul Hadi Awang.

Pemerhati politik mensifatkan Encik Anwar sebagai simbol program-program nilai Islam Umno yang pragmatik sementara Haji Abdul Hadi sebagai mewakili kepimpinan fundamental dan radikal Pas yang baru.

Dalam majlis-majlis ceramah, kedua tokoh ini berjaya menarik ribuan rakyat dan penyokong parti mendengar pidato mereka tanpa mengira hujan lebat hampir setiap hari.

Encik Anwar lebih banyak berusaha mematahkan segala kecaman dan tuduhan melulu Pas terhadap usaha-usaha Barisan Nasional, khususnya Umno dan berjaya menarik perhatian pendengar.

Dan Haji Abdul Hadi, dengan pidatonya yang berapi-rapi, lebih banyak menghentam peribadi Encik Anwar dan mempersenda program-program kerajaan.

Para pemerhati menyatakan kegagalan Haji Abdul Hadi menarik lebih ramai pengundi menyokong Pas, walaupun setiap ceramahnya dihadiri oleh lebih 1,000 orang, menunjukkan beliau telah 'bertemu buku dengan ruas' apabila berhadapan dengan Encik Anwar.

Kepada Encik Abdul Wahab pula, pepatah Inggeris 'third time lucky' atau 'tiga kali bertuah,' nampaknya tidak memberi sebarang tuah.

Dalam pilihanraya umum April lalu, beliau mendapat 3,395 undi berbanding dengan Allahyarham Encik Mohd Noor Ali dari Barisan Nasional yang memperolehi 3,732 undi. Beliau juga tewas merebut kerusi Binjai dalam pilihanraya umum 1978.

Keputusan terbaru ini menunjukkan beliau kehilangan kirakira 200 undi.

Ini menunjukkan 200 pengundi yang memilih PAS dalam pilihanraya umum lalu kini bertukar mengundi Barisan Nasional, di samping lebih 500 undi terapung dari penyokong atas pagar yang diperolehi oleh Encik Muda.

Pengarah Pilihanraya Kecil Pas Binjai, Encik Mustaffa Ali tidak bersetuju anggapan kekalahan calonnya kesan dari perubahan pucuk pimpinan dalam parti berikutan perletakan jawatan Datuk Asri Haji Muda sebagai Yang Dipertua Agung.

Menurutnya, dalam sejarah politik Malaysia, Pas tidak pernah memenangi pilihanraya kecil yang dikuasai oleh Barisan Nasional kerana pemusatan jentera pilihanraya Barisan yang menyeluruh dan berkesan.

Beliau memberi contoh pilihanraya kecil Bukit Raya, Kedah tahun 1980 bila Pas tewas kepada Barisan Nasional sedangkan ketika itu tidak ada perubahan pucuk pimpinan partinya.

Tetapi, para pemerhati menyatakan, keputusan ini akan memberi pengaruh yang lebih luas kepada Datuk Asri dan menggalakkan lebih ramai penyokongnya mengeluarkan kenyataan seperti 'kami mahu Asri semula.'

Tamparan

Mereka berpendapat kekalahan Pas itu merupakan tamparan hebat kepada tokoh-tokoh muda Pas yang radikal dan mirip kepada revolusi Iran untuk memimpin parti tersebut.

Ia juga menunjukkan rakyat kini benar-benar sedar dan faham bahawa janji kosong tanpa sebarang bukti rancangan yang hendak dilaksanakan bagi faedah mereka, tidak diperlukan lagi.

Kepada Barisan Nasional, kejayaannya membuktikan penerimaan rakyat kepada pentadbiran 'bersih, cekap dan amanah' pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Keputusan ini juga menunjukkan rakyat yakin sepenuhnya kepada Barisan Nasional yang bukan saja mencadang dan merencana berbagai program pembangunan, tetapi menjadikannya kenyataan yang dapat dinikmati, seperti kata Encik Anwar dalam satu ceramahnya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia